



SOALAN LAZIM DUITNOW QR

DUITNOW QR

1. Apakah DuitNow QR?

DuitNow QR (*Quick Response*) ialah Piawaian QR Kebangsaan Malaysia yang ditubuhkan oleh PayNet di bawah Rangka Kerja Kebolehsalingoperasi Pemindahan Kredit Bank Negara Malaysia.

2. Apakah DuitNow QR BSN untuk Peniaga?

DuitNow QR BSN untuk Peniaga ialah perkhidmatan penerimaan bayaran yang membolehkan peniaga menerima bayaran daripada pelanggan melalui kod QR DuitNow.

Peniaga hanya perlu memaparkan kod DuitNow QR BSN di premis perniagaan mereka untuk menerima pembayaran daripada pelanggan.

3. Siapa yang boleh memohon DuitNow QR BSN untuk Peniaga?

DuitNow QR BSN untuk Peniaga adalah terbuka kepada semua pelanggan korporat BSN yang mempunyai Akaun BSN Giro/i atau Akaun Premium BSN Giro/i yang sah.

4. Di manakah saya boleh menggunakan DuitNow QR BSN untuk penerimaan pembayaran?

Peniaga boleh menggunakan perkhidmatan DuitNow QR BSN di mana-mana sahaja dalam Malaysia.

5. Bagaimanakah cara saya mendaftar DuitNow QR BSN untuk perniagaan saya?

1. ‘**Corporate Administrator**’ perlu log masuk melalui [Laman BSNeBiz](#).
2. Setelah berjaya log masuk, di sebelah kiri menu ‘**Home**’, klik pada ‘**DuitNow QR Merchant Management**’.
3. Klik pada butang ‘**Create**’ di bahagian bawah skrin.
4. Sila masukkan butiran yang diperlukan dan klik butang ‘**Next**’.
5. Sila sahkan butiran anda dalam halaman ‘**Confirmation**’ dan klik ‘**Confirm**’.
6. Kod DuitNow QR perniagaan anda akan dijana pada halaman ‘**Acknowledgment**’ Sila klik



SOALAN LAZIM DUITNOW QR

butang ‘**Print QR Code**’.

7. Anda boleh melekatkan Kod DuitNow QR pada *standee* BSN DuitNow QR untuk pelanggan mengimbas dan membuat pembayaran.

Pendaftaran peniaga bagi DuitNow QR dan penggunaan DuitNow QR oleh peniaga hendaklah tertakluk kepada peruntukan-peruntukan di bawah ‘**Terma dan Syarat Perkhidmatan BSNeBiz DuitNow QR**’ yang mana terdapat dan boleh diakses [di sini](#). Oleh itu, anda dinasihati untuk membaca dan memahami Terma dan Syarat Perkhidmatan BSNeBiz DuitNow QR sebelum membuat pendaftaran dan untuk mendapatkan penerangan daripada BSN sekiranya anda tidak memahami mana-mana bahagian pada dokumen tersebut.

6. Bolehkah saya mendaftar kod DuitNow QR perniagaan melalui Aplikasi BSNeBiz?

Pendaftaran kod DuitNow QR hanya boleh dilakukan melalui Laman BSNeBiz.

7. Apakah fungsi lain yang tersedia untuk DuitNow QR BSN dalam Aplikasi dan Laman BSNeBiz?

a) **Menjana Kod DuitNow QR BSN**

Setelah anda berjaya mendaftar sebagai Peniaga DuitNow QR BSN melalui Laman BSNeBiz, kod DuitNow QR perniagaan anda akan tersedia secara automatik dan anda boleh menjananya daripada Aplikasi dan Laman BSNeBiz.

Daripada Aplikasi BSNeBiz

1. Log masuk ke Aplikasi BSNeBiz
2. Pilih ‘**DuitNow QR**’
3. Pilih ‘**Receive**’ untuk menerima bayaran daripada pelanggan

Daripada Laman BSNeBiz

1. Log masuk ke Laman BSNeBiz
2. Pilih ‘**DuitNow QR Merchant Management**’ daripada senarai menu ‘**Merchant QR**’
3. Pilih ‘**View**’ daripada senarai DuitNow QR yang telah didaftarkan
4. Pilih ‘**Print QR Code**’, cetak dan lekatkan kod QR pada *standee*

b) **Semak Sejarah Transaksi Pembayaran**

Daripada Aplikasi BSNeBiz

1. Log masuk ke aplikasi BSNeBiz anda
2. Pilih ‘**Quick Balance**’
3. Pilih ‘**Account**’
4. Pilih ‘**Transaction History**’



SOALAN LAZIM DUITNOW QR

Daripada Laman BSNeBiz

1. Log masuk ke Laman BSNeBiz
2. Pilih '**Account Summary**'
3. Pilih '**Account**'
4. Pilih '**View Detail**'
5. Pilih '**Transaction History**'

8. Berapakah jumlah maksimum yang boleh saya terima melalui DuitNow QR BSN?

Tiada had untuk jumlah bayaran yang boleh anda terima melalui DuitNow QR BSN daripada pelanggan anda.

Walau bagaimanapun, pembayar perlu menyemak had yang ditetapkan di bank mereka mencukupi untuk membuat pembayaran DuitNow QR kepada anda.

9. Bilakah saya akan menerima bayaran yang dibuat oleh pelanggan saya menggunakan DuitNow QR BSN dan bagaimana saya tahu jika pembayaran telah berjaya dibuat dan dikreditkan ke dalam akaun saya?

Semua pembayaran seharusnya diterima serta-merta dan anda boleh menyemak sejarah transaksi pembayaran daripada Aplikasi atau Laman BSNeBiz untuk pengesahan penerimaan bayaran daripada pelanggan.

10. Bolehkah bank lain atau pengguna e-Dompet membuat pembayaran dengan mengimbas kod DuitNow QR BSN?

Ya, boleh. Kod DuitNow QR membolehkan kesalingoperasian antara semua Bank dan e-Dompet yang mengambil bahagian.

Pelanggan boleh membuat pembayaran hanya dengan menggunakan satu aplikasi untuk mengimbas kod DuitNow QR yang disediakan oleh mana-mana peserta.

Oleh itu, peniaga BSN hanya perlu memaparkan kod DuitNow QR BSN kepada pelanggan mereka bagi membolehkan pelanggan membuat bayaran kepada peniaga.

11. Bagaimanakah cara untuk saya memastikan bahawa kod DuitNow QR BSN terikat pada akaun peniaga yang betul sebelum saya mula menggunakannya?

Anda boleh menyemak sama ada nama kedai peniaga yang dipaparkan pada kod DuitNow QR adalah sepadan dengan nama perniagaan yang anda daftarkan.

Anda juga boleh mencuba untuk mengimbas kod DuitNow QR dan buat satu (1) transaksi untuk



SOALAN LAZIM DUITNOW QR

memastikan kod DuitNow QR telah dipautkan ke nombor akaun yang betul.

Untuk setiap pemindahan atau pembayaran yang dibuat, semak dan sahkan tarikh, masa dan jumlah transaksi berdasarkan sejarah transaksi pembayaran daripada Aplikasi ataupun laman web BSNeBiz.

Sebagai langkah berjaga-jaga tambahan, anda juga boleh meminta pelanggan anda untuk memaparkan slip pengesahan pindahan dana kepada anda.

12. Apakah jenis kod DuitNow QR yang tersedia untuk pengimbasan?

Terdapat dua jenis kod DuitNow QR:

1) Kod Statik DuitNow



'Standee' DuitNow QR



Kod DuitNow QR dijana daripada peranti mudah alih peniaga

- Kod DuitNow QR statik ialah kod yang boleh dijana atau dicetak oleh peniaga BSN daripada aplikasi atau pun laman web BSNeBiz semasa pendaftaran.
- Ia mempunyai butiran akaun peniaga. Pelanggan mesti memasukkan jumlah selepas mengimbas kod DuitNow QR sama ada daripada 'standee' atau terus melalui peranti mudah alih peniaga .

2) Kod Dinamik DuitNow QR




- Ia mempunyai butiran akaun peniaga dan jumlah transaksi telah tersedia di dalamnya. Pelanggan hanya boleh mengimbas kod DuitNow QR tanpa memasukkan jumlah pembelian.



SOALAN LAZIM DUITNOW QR

13. Bagaimanakah standard DuitNow QR BSN harus dipaparkan oleh Peniaga?

Peniaga hendaklah pada setiap masa memaparkan dan menggunakan DuitNow QR BSN dalam format standard seperti berikut:



14. Adakah terdapat kemungkinan pembayaran DuitNow QR daripada pelanggan ditolak atau tidak dapat disempurnakan?

Ya, pembayaran mungkin ditolak atau tidak dapat disempurnakan termasuklah atas sebab berikut:

- Baki tidak mencukupi dalam akaun pelanggan;
- Sambungan internet yang lemah; atau
- Perkhidmatan DuitNow QR peniaga telah dinyahaktifkan.

15. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan dan maklumat lanjut mengenai DuitNow QR BSN?

Untuk bantuan dan maklumat lanjut, anda boleh menghubungi kami melalui e-mel bsnebiz_support@bsn.com.my atau hubungi Pusat Perhubungan Pelanggan BSN melalui talian 1300-88-1900.

Penafian:

Dokumen ini bukanlah sumber rujukan utama untuk maklumat lanjut berhubung perkhidmatan BSNeBiz DuitNow QR, peniaga dinasihati untuk merujuk kepada 'Terma dan Syarat BSNeBiz DuitNow QR yang boleh diakses [di sini](#).